

APLIKASI KOGNISI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI PRASEKOLAH MELALUI ANALISIS PEDAGOGI HERMENEUTIK

Suppiah Nachiappan, Subashini Santhrasaygran, Hari Krishnan Andi, Velayudhan P. K. Veeran dan Fatimah Mohd Zulkafaly
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana aplikasi kognisi diberi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Sampel kajian ini terdiri daripada kanak-kanak dari salah sebuah prasekolah di Taiping, Perak. Rancangan pengajaran harian (RPH) dianalisis selama tiga hari dengan menggunakan kaedah pedagogi hermeneutik untuk meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian menunjukkan guru masih boleh membuat penambahbaikan dalam menyediakan aktiviti bertulis yang mencabar dalam menjana aplikasi kognisi ke arah peningkatan ilmu pengetahuan yang maksimum. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) disaran untuk menyediakan segala kemahiran dalam pengajaran guru termasuk bahan bantu mengajar (BBM) untuk meningkatkan aplikasi kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Kata kunci: aplikasi proses kognisi, proses pengajaran dan pembelajaran, analisis pedagogi hermeneutik

ABSTRACT

The purpose of this study was to assess the extent to which cognition applications are given priority in the process of teaching and learning in preschool. The study sample consisted of children from one of the pre-school in Taiping, Perak. Daily lesson plan (FMP) were analyzed for three days using hermeneutics pedagogical methods to examine the effectiveness of teaching and learning in improving cognition among preschool children. The findings of the study indicated that teachers can still make improvements in providing a challenging writing activities generate cognition applications towards the maximum increase of knowledge. Ministry of Education (MOE) are urged to provide their skills in teaching includes teaching material (BBM) to enhance cognition applications among preschool children.

Keywords: application process of cognition, the process of teaching and learning, pedagogical analysis of hermeneutics

PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha yang berterusan ke arah menggilap potensi individu bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek intelek, spiritual, emosi dan fizikal berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pendidikan prasekolah telah berkembang dan menjadi penting dalam pendidikan di Malaysia. Konsep Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia dibahagikan kepada dua peringkat berdasarkan umur kanak-kanak. Peringkat pertama adalah pusat jagaan kanak-kanak atau taman asuhan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah empat tahun. Peringkat kedua adalah prasekolah atau tadika bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari pertumbuhan pesat prasekolah perlu mengambil kira kualiti perkhidmatan kerana ia menyumbang secara efektif kepada Pendidikan Awal Kanak-kanak (Kasnani, 2006). Shahizan dan Shahabudin (2006) menyatakan perkembangan dan pertumbuhan prasekolah menyebabkan pelbagai pendekatan, tujuan dan kegunaan kurikulum perlu dilaksanakan. Akibatnya kanak-kanak prasekolah terdedah kepada pendekatan yang berbeza dan kemungkinan tidak memenuhi syarat negara membangun (Rohaty, 2003). Guru praktikum yang mengajar kanak-kanak prasekolah memiliki pelbagai pendekatan dan strategi tetapi tidak memenuhi kemahiran yang diperlukan dalam mengaplikasikan teori psikologi semasa melaksanakan latihan sesi pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Guru praktikum menghadapi masalah berkaitan dengan pengetahuan tentang tanggungjawab dan tugas sebenar mereka. Mereka tidak menekankan aspek pedagogi, praktikal, aplikasi dan demonstrasi dalam memahami perkembangan kanak-kanak. Kekurangan pengetahuan dalam praktikal adalah aspek yang boleh mengganggu perancangan, pengurusan prasekolah dan juga proses pembelajaran kanak-kanak.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian yang dijalankan berkaitan dengan aplikasi psikologi pendidikan dalam bidang pendidikan prasekolah. Abu Daud (1993) mendapati guru yang berpengalaman dalam kurikulum dan pengurusan prasekolah akan lebih berjaya manakala guru baharu pula menghadapi masalah, halangan dan dilema dalam mencapai potensi kanak-kanak. Menurut Lihanna (2005), latihan pedagogi untuk guru prasekolah perlu dititikberatkan. Hal ini kerana konsep *Appropriate Development Practices (ADP)* tidak sepenuhnya diaplikasikan oleh guru prasekolah walaupun telah termaktub dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Beliau berpendapat, salah konsep dan pra konsep menghalang keberkesanannya pendekatan pedagogi yang bersesuaian dengan peringkat awal kanak-kanak. Asmah (2001) pula mengkaji implementasi bermain di prasekolah di Brunei. Sampel kajiannya terdiri daripada 12 orang guru prasekolah dan 16 orang kanak-kanak prasekolah. Kaedah yang digunakan adalah temu bual dan pemerhatian. Daripada kajiannya, sebanyak 60 peratus guru prasekolah tidak bersetuju dengan konsep bermain yang diterapkan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Guru prasekolah menganggap kanak-kanak prasekolah perlu diajar secara formal seperti latihan, ulangkaji dan *chalk and talk method*.

Menurut Bodrova (2003), teori Vygotsky adalah sangat relevan dengan perkembangan kanak-kanak, perkembangan bahasa dan sosial kanak-kanak. Bagi Vygotsky bahasa adalah alat dalam sesuatu budaya. Bahasa dilihat dalam konteks tujuan komunikasi dan integrasi dengan proses mental yang lain. Kemahiran kognisi dan pemikiran tidak ditentukan oleh faktor dalaman atau semula jadi, tetapi ia adalah hasil daripada aktiviti institusi sosial kanak-kanak semasa proses perkembangan mereka. Dalam kata lain ia diperoleh melalui faktor luaran atau persekitaran (Schutz, 2004). Bruce dan Meggitt (2005) berpendapat kurikulum prasekolah merupakan salah satu sumber dalam membantu tumbesaran dan pembelajaran kanak-kanak. Guru prasekolah bertanggungjawab dalam menyediakan pengalaman pengajaran yang menyokong, merangsang dan membantu menggilap potensi kanak-kanak. Ia mestilah selari dengan keperluan dan kebolehan kanak-kanak (Bahagian Pendidikan dan Sains, 1990). Menurut Caplan dan Caplan (1973), bermain merupakan penunjuk yang penting dalam mengembangkan kekuatan peribadi, kreativiti, kestabilan emosi, perkembangan sosial dan intelek serta koordinasi bagi kanak-kanak prasekolah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji bagaimana guru mengaplikasi kognisi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.
2. Mengkaji sejauh mana kanak-kanak prasekolah menguasai aplikasi kognisi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

METODOLOGI

Teori Dan Analisis Pedagogi Hermeneutik

Pedagogi hermeneutik didefinisikan sebagai proses menginterpretasi teks iaitu mencari makna dalam perkataan yang ditulis. Manusia mengalami hidup melalui bahasa dan bahasa memberikan pemahaman serta pengetahuan yang dianggap dua aspek yang terkandung dalam pedagogi hermeneutik.

Perkataan hermeneutik berasal dari dua perkataan Greek, iaitu *hermeneuein* dalam bentuk kata kerja bermakna *to interpret* dan *hermeneia* dalam bentuk kata nama bermakna *interpretation*. Kaedah ini mengutamakan penginterpretasian teks dalam konteks sosiobudaya dan sejarah dengan mendedahkan makna yang tersirat dalam sesebuah teks atau karya yang diselidiki. Dokumen awal menjelaskan bahawa seorang ahli falsafah iaitu Martin Heidegger menggunakan kaedah hermeneutik pada tahun 1889-1976. Walau bagaimanapun hermeneutik telah mula dipelopori oleh Schleimarcher dan Dilthey sejak abad ke17 dan diteruskan oleh Habermas, Gadamer, Heidegger, Ricoeur dan lain-lain pada abad ke20.

Menurut Mueller (1997), hermeneutik adalah seni pemahaman dan bukan sebagai bahan yang telahpun difahami. Hermeneutik juga adalah sebahagian

daripada seni pemikiran dan berlatarkan falsafah. Oleh itu untuk melakukan penginterpretasian terhadap ilmu pengetahuan tentang bahasa, maka adalah penting untuk memahami ilmu pengetahuan individu. Kejayaan seni penginterpretasian bergantung kepada kepakaran linguistik dan kebolehan memahami subjek yang dikajinya.

Pedagogi hermeneutik berfokus pada teks sebagai sumber data iaitu contoh teks yang terdiri daripada transkripsi temu bual, diari, karangan, surat dan lain-lain. Seseorang itu harus mengingati pengalaman bermakna yang pernah dilalui tentang sesuatu peristiwa atau kejadian yang menimpa pada dirinya secara langsung atau tidak langsung.

Kaedah yang digunakan dalam pendekatan pedagogi hermeneutik bermula dengan teks. Seterusnya dikenal pasti maklumat atau informasi yang bermakna dalam teks yang kemudian digunakan pula untuk menjana tema atau kategori daripada sekumpulan teks (Suppiah, 2003).

Oleh itu analisis pedagogi hermeneutik sebagai metodologi digunakan untuk menginterpretasi transkripsi Rancangan Pengajaran Harian (RPH), lembaran kerja kanak-kanak prasekolah dan refleksi yang ditulis oleh guru selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji dan menganalisis aplikasi kognisi dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk kanak-kanak prasekolah. RPH dan lembaran kerja kanak-kanak selama tiga hari sahaja digunakan sebagai sumber utama untuk dianalisis aplikasi kognisi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Teks Sebagai Subjek Kajian (Karangan)

Teks merupakan apa jua yang dihasilkan oleh manusia dalam bentuk lisan atau tulisan yang digunakan untuk menyalurkan sesuatu makna yang dihasratkan iaitu perangai, perasaan dan pemikiran manusia. Menurut Rickman (1967), apa sahaja bentuk yang melahirkan ekspresi perasaan dan pemikiran manusia boleh dianggap sebagai teks yang boleh dianalisis dan diinterpretasikan melalui pendekatan pedagogi hermeneutik.


Menurut Asmah Hj. Omar (1980), teks adalah berkait rapat dengan aspek bahasa dan sistem bahasa seperti ayat dan frasa. Ia adalah untuk menggambarkan sesuatu tujuan atau suasana yang hendak dikisahkan oleh penulis. Oleh itu apabila mengkaji sesebuah teks, aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri teks juga adalah penting untuk diteliti. Misalnya laras bahasa, tekanan suara, nada dan intonasi, irama, kelangsungan bunyi, gerak-geri dan lambang-lambang yang terselit pada bahasa yang dilahirkan bersama-sama dengan teks. Gumbang (1998) pula berpendapat teks berupaya untuk menyalurkan aspek dalaman dan psikologi yang bermakna untuk memahami hasrat yang tersebunyi di dalam teks. Antara ciri dalaman dan psikologi yang terdapat dalam teks adalah seperti berikut:

Ciri-Ciri Keterbukaan (*Openness*)

Keterbukaan penyelidik dalam menerima teks adalah suatu aspek dalam analisis pedagogi hermeneutik. Teks harus dilihat sebagai suatu keadaan keterbukaan untuk menginterpretasi aspek yang dikaji di dalamnya. Bernstein (1982) melihat keterbukaan teks dalam analisis pedagogi hermeneutik sebagai aspek konteks di mana teks tersebut iaitu karangan-karangan pelajar dihasilkan. Unsur-unsur yang biasa terkandung dalam teks seperti budaya, sejarah individu dan pengalaman penghasil teks adalah penting dalam keterbukaan sesuatu teks semasa dikajinya.

Ciri-Ciri Kekaburuan Pada Teks (Ontoenigma)

Istilah ontogenigma pada teks yang dikaji adalah bersifat kabur atau kurang jelas dan biasanya menimbulkan pelbagai persoalan kepada penyelidik yang ingin menyelami teks tersebut. Loganathan (1992) menggunakan istilah ontogenigma untuk menggambarkan keadaan minda penyelidik semasa berdepan dengan isi teks yang dikajinya. Suatu teks dilihat (dibaca) melalui struktur luaran (tersurat). Seterusnya penyelidik akan menyelami makna melalui ayat-ayat yang dibaca untuk mencungkil makna yang tersirat dalam struktur dalaman. Proses menghubungkan struktur luaran dan struktur dalaman ini dikenali sebagai ontopretasi (Loganathan 1992; 1996).



][



Struktur luaran teks

(Nada, intonasi gerak-geri, infomasi,
bahasa dan sintaks)

Proses ontopretasi


Struktur dalaman teks

(Emosi, perasaan, pengalaman, gaya bahasa,
pemprosesan informasi, pemikiran, keinginan)

Rajah 1: Proses ontopretasi

Apabila meneliti sesebuah teks, proses ontopretasi akan berlaku dan akan

mendapat sesuatu pemahaman daripada teks. Selepas meneliti aspek yang dikaji dalam teks, proses ontopretasi akan berlaku berulang-ulang kali sehingga penyelidik dapat memahami dan menginterpretasi teks dengan lebih jelas. Akhirnya, penyelidik dapat mengesan dan memahami makna yang tersirat dalam teks yang dikajinya dan disebut lumensa (*lumens*) oleh Loganathan (1992, 1996). Pada saat ini, penyelidik dapat keluar daripada kekaburuan atau kejahanan (ontoenigma) tentang teks dan seterusnya mencapai tahap pemahaman dan pengetahuan yang jelas tentang teks yang dikaji.



Rajah 2: Proses ontopretasi

Skema ontopretasi menunjukkan proses ini berlaku beberapa kali dan pemahaman tercapai sedikit demi sedikit sehingga semua teks menjadi jelas (tahap lumensa) tentang aspek yang dikaji misalnya. Dengan proses ontopretasi yang berlaku terhasilah kekaburuan (ontoenigma) pada teks yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

RPH dikaji berdasarkan pengajaran dan pembelajaran oleh guru prasekolah. RPH ditulis oleh guru prasekolah sebagai persediaan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan terutamanya kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pengkaji menilai ilmu pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam konteks kognisi dengan menggunakan analisis pedagogi hermeneutik sebagai metodologi kajian.

<u>Hasil pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi guru yang disediakan oleh guru pada 5 September 2011 (Isnin)</u>	<u>Hasil interpretasi pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi guru yang disediakan oleh guru pada 5 September 2011 (Isnin) dengan menggunakan kaedah pedagogi hermeneutik</u>
---	---

<p>Pada 5 September 2011, kelas bermula dengan rutin pagi. Guru mengetuai bacaan doa serta surah Al-Fatihah. Aktiviti diteruskan dengan nyanyian lagu kanak-kanak. Kanak-kanak prasekolah dijangka dapat menyanyi secara beramai-ramai.</p>	<p>Berdasarkan aktiviti tersebut, pengkaji berpendapat kanak-kanak prasekolah telah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perhimpunan iaitu menyanyikan lagu-lagu.</p>
<p>Selepas itu, guru berbual tentang pengalaman, memperkenalkan objek dan melaksanakan aktiviti yang bermakna.</p>	<p>Semasa aktiviti ini dijalankan, tidak ada penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) bagi meningkatkan</p>

Objektif aktiviti ini adalah untuk memperkenalkan makna Hari Kemerdekaan. Guru menyediakan kanak-kanak prasekolah dengan nyanyian lagu Hari Merdeka dan membincangkan makna kemerdekaan.

Aktiviti diteruskan dengan topik pendidikan fizikal dan kesihatan. Guru memperkenalkan jenis-jenis makanan kepada kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak memahami jenis makanan yang berkhasiat untuk kesihatan mereka. Guru menggunakan carta kesihatan untuk meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap topik yang diajar.

Berdasarkan RPH, guru mengajar kanak-kanak prasekolah kata kerja Bahasa Inggeris seperti berlari, melompat, makan, berbasikal dan sebagainya. Objektif utama pengajaran ini adalah supaya kanak-kanak prasekolah boleh membaca dan bercakap menggunakan perkataan Bahasa Inggeris yang ringkas.

Seterusnya guru membacakan buku cerita Bahasa Melayu yang menarik yang mempunyai pelbagai tema. Objektif utama aktiviti ini adalah untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Guru menyampaikan nilai dan pengajaran melalui cerita klasik. Semua kanak-kanak prasekolah boleh membiasakan diri dengan jalan cerita dan tema cerita tersebut.

Sesi pembelajaran diteruskan dengan modul bertema Bahasa Inggeris. Kanak-kanak prasekolah dijangka dapat membaca dan menulis beberapa perkataan yang berkaitan dengan topik Hari Kemerdekaan. Walau bagaimanapun kanak-kanak prasekolah menghadapi masalah dalam menulis dan membaca ayat dengan betul kerana kelemahan dalam pemahaman dan guru pula memperkenalkan ayat yang susah

pemahaman kanak-kanak (Tiada catatan BBM dalam RPH). Ini bermakna aplikasi kognisi kurang terserlah terhadap konsep hari kemerdekaan.

Pengkaji menganalisis dan mendapati penggunaan carta kesihatan menyumbangkan kefahaman yang lebih baik tentang makanan yang berkhasiat dalam kalangan kanak-kanak.

Pendedahan yang kurang terhadap Bahasa Inggeris menyebabkan sebahagian kanak-

dalam kalangan kanak-kanak prasekolah terhadap Bahasa Inggeris.

--	--

kanak prasekolah tidak mampu membaca kata kerja Bahasa Inggeris yang ringkas. Pengkaji mencadangkan penggunaan *compact disc* (CD) interaktif untuk meningkatkan minat

Daripada aktiviti ini kanak-kanak prasekolah berjaya mendapatkan nilai dan pengajaran daripada bahan bacaan tersebut. BBM adalah penting

untuk meningkatkan minat dan kefahaman bagi mencapai objektif pengajaran dan seterusnya meningkatkan aplikasi kognisi ke arah menambahkan ilmu pengetahuan.

Pengkaji mendapati hanya sebahagian sahaja kanak-kanak prasekolah yang dapat menguasai konsep Hari Kemerdekaan.

dan panjang kepada kanak-kanak prasekolah. Selepas itu guru mengajar modul bertema yang mana kanak-kanak prasekolah diminta menulis ayat-ayat dengan betul menggunakan buku latihan bergambar.

Hasil pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi yang disediakan oleh guru pada 6 September 2011 (Selasa)

Hasil interpretasi pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi yang disediakan oleh guru pada 6 September 2011 (Selasa) dengan menggunakan kaedah pedagogi hermeneutik

Pada 6 September 2011, kelas bermula dengan rutin pagi iaitu kanak-kanak prasekolah membaca doa dan surah *Al-Fatihah*. Kanak-kanak prasekolah menyanyikan lagu Inggeris tanpa muzik. Selepas itu, guru memulakan aktiviti perbualan pagi tentang bagaimana hendak memulakan perbualan. Contohnya melafazkan ucapan Selamat pagi dan membalas ucapan dengan baik. Kanak-kanak prasekolah juga memahami bahawa bunga raya merupakan bunga kebangsaan.

Seterusnya, guru mengajar kanak-kanak prasekolah melukis bentuk daripada titiktitik menggunakan buku latihan Matematik. Seperti yang dijangkakan, kanak-kanak prasekolah boleh melukis bentuk tersebut dengan bantuan daripada guru.

Selepas itu, aktiviti pembelajaran diteruskan dengan pelajaran agama diikuti dengan pelajaran Bahasa Melayu pula yang berfokus kepada bacaan ayat yang mudah dengan menggunakan sebutan yang betul.

Walau bagaimanapun, sebahagian kanak-kanak prasekolah tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik disebabkan pemprosesan maklumat tidak mantap berbanding kanak-kanak lain.

Pengkaji mendapati kanak-kanak prasekolah boleh mengaplikasi ilmu pengetahuan dan mencungkil maklumat daripada ingatan jangka panjang dengan pelbagai aktiviti khususnya aktiviti bertulis. Tetapi aktiviti bertulis kurang dipelbagaikan oleh guru.

Peranan guru sangat penting dalam memastikan kanak-kanak prasekolah

Seperti yang dijangka, kanak-kanak prasekolah mampu menulis dan


--	--

mendapat ilmu pengetahuan yang maksimum.

membaca ayat Bahasa Melayu dengan baik .

Bagi Bahasa Inggeris guru mengajar kanak-kanak prasekolah membaca dan menulis perkataan yang mudah. Aktiviti ini memerlukan koordinasi mata dan tangan. Pengkaji mendapati kanak-kanak prasekolah boleh menguasai penulisan dan pembacaan Bahasa Inggeris kerana mereka dapat mengingat kebanyakan perkataan

<p><u>Hasil pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi yang disediakan oleh guru pada 7 September 2011 (Rabu)</u></p> <p>Pada 7 September 2011, kelas bermula seperti biasa iaitu aktiviti rutin pagi dimulai dengan bacaan doa, surah <i>Al-Fatihah</i> dan lagu kanak-kanak. Tajuk lagu yang dinyanyikan ialah Enam Pagi dan Ibu-ibu, saya sayang ibu.</p> <p>Selepas itu, guru mengajar Sains dan Teknologi dengan topik ‘Menyiasat anggota badan’. Walau bagaimanapun, tiada aktiviti yang dilaksanakan dan tiada penggunaan BBM untuk pembelajaran topik ini. Kanak-kanak prasekolah diminta menulis topik berkaitan dengan anggota badan manusia.</p> <p>Kelas diteruskan dengan Bahasa Inggeris yang berkaitan sebutan huruf-huruf menggunakan kad manila dan buku kerja Bahasa Inggeris. Hanya sebahagian kanak-kanak sahaja yang menguasai topik tersebut.</p> <p>Selepas itu, guru mengajar Bahasa Melayu dengan mengajar kaedah memegang pensel dengan betul kepada kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak prasekolah diminta menyiapkan penulisan mereka. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kanak-kanak prasekolah yang mampu menyiapkan tugasannya.</p> <p>Guru membantu kanak-kanak prasekolah melibatkan diri dalam aktiviti yang memerlukan koordinasi mata-tangan. Seperti yang dijangka, semua kanak-kanak prasekolah mampu menguasai koordinasi mata-tangan dengan menggunakan BBM.</p>	<p>tersebut.</p> <p><u>Hasil interpretasi pemerhatian RPH, lembaran kerja dan refleksi yang disediakan oleh guru pada 7 September 2011 (Rabu) dengan menggunakan kaedah pedagogi hermeneutik</u></p> <p>Pengkaji mendapati kanak-kanak prasekolah mampu menyanyi dengan bantuan guru. Semasa perbualan pagi, kanak-kanak prasekolah boleh menyebut perkataan mudah dengan sebutan yang betul tentang Hari Kemerdekaan kerana kanak-kanak prasekolah mempunyai pendedahan di rumah.</p> <p>Kesungguhan guru kurang terserlah dalam aplikasi kognisi yang maksimum kerana terdapat beberapa kekangan seperti ketiadaan BBM dalam pembelajaran pada hari itu.</p> <p>Guru diminta menggunakan pengajaran berdasarkan bunyi untuk meningkatkan sebutan bahasa yang betul.</p> <p>Guru perlu bersikap positif terhadap kebolehan dan kemampuan kanak-kanak prasekolah kerana mereka bertindak balas berdasarkan harapan guru.</p> <p>Seperti yang dijangka, kanak-kanak prasekolah dapat menguasai topik tersebut dengan baik. Kepelbagaiannya aktiviti yang disediakan oleh guru dapat membantu kanak-kanak menguasai kemahiran dan</p>
---	--



Bagi subjek Bahasa Melayu, guru menggunakan carta Hari Kemerdekaaan untuk bercerita berkenaan dengan Hari Kemerdekaan. Kanak-kanak prasekolah diminta menulis apa yang mereka dengar.

memaksimumkan kognisi melalui usaha guru.

Kesimpulannya, guru prasekolah memerlukan maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mengajar kanak-kanak prasekolah. Bagi menarik perhatian dan minat kanak-kanak prasekolah, guru perlu memilih bahan yang sesuai dan menarik supaya kanak-kanak prasekolah dapat memahami dengan baik.

Tanpa BBM, amat sukar untuk menarik perhatian kanak-kanak prasekolah. Selain itu, guru perlu mempunyai pemikiran yang optimistik dan positif terhadap kebolehan kanak-kanak bagi memastikan mereka dapat memaksimumkan pengajaran terhadap kanak-kanak prasekolah.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada RPH, lembaran kerja dan refleksi, pengkaji mendapati pencapaian kanak-kanak prasekolah boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu cemerlang, memuaskan dan lemah. Bagi kanak-kanak kategori cemerlang, mereka berjaya menunjukkan keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengaplikasikan perkembangan kognisi yang diperkenalkan oleh Piaget dan Vygotsky. Tambahan lagi konstruktivisme dan kaedah *tutoring* digunakan oleh guru untuk membantu kanak-kanak prasekolah berjaya dalam akademik mereka. Kaedah memproses informasi menekankan cara memanipulasikan informasi untuk dimanfaatkan sebagai ilmu pengetahuan.

Bagi kanak-kanak prasekolah yang berada di peringkat memuaskan, mereka kurang memahami apa yang mereka pelajari. Guru disaran mengaplikasikan pendekatan konstruktivis sosial seperti belajar berkumpulan, maklum balas, kerjasama dan memfokuskan kepada tugas yang melibatkan interaksi dan strategi mengingat yang melibatkan eksplorasi.

Kanak-kanak prasekolah yang lemah memerlukan panduan dan sokongan daripada guru di dalam kelas. Sebahagian daripada kanak-kanak prasekolah tidak

mampu menyerap maklumat yang dipelajari di dalam kelas kerana kegagalan guru menyampaikan maklumat secara berkesan, kekurangan BBM dan mudah lupa dengan apa yang dipelajari.

Beberapa faktor yang perlu diambil kira oleh guru semasa sesi pengajaran di dalam kelas adalah seperti motivasi guru, maklumat tentang subjek, persediaan mental kanak-kanak, keadaan sosioekonomi keluarga yang boleh mempengaruhi pembelajaran dan penggunaan BBM. Kesanggupan guru bekerja lebih masa, motivasi tinggi dan berpengetahuan dalam subjek merupakan faktor-faktor yang perlu dimiliki oleh guru. Semasa proses pembelajaran, penggunaan BBM serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai adalah penting kerana guru perlu mengambil kira aspek kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah termasuklah kanak-kanak yang lemah. Aktiviti *tutoring* juga efektif jika guru mampu merancang dan menstruktur subjek dengan baik bagi membantu kanak-kanak prasekolah dalam membaca, menulis, mengeja dan sebagainya.

Selain itu, pendekatan *scaffolding* boleh digunakan oleh guru semasa di dalam kelas iaitu guru membantu kanak-kanak prasekolah yang lemah membentuk maklumat yang baru daripada apa yang telah mereka ketahui. Terdapat beberapa alatan yang dapat membantu kanak-kanak prasekolah mencungkil maklumat dengan menghubungkan maklumat baru dengan imej dan konteks yang bermakna. Sebahagian alatan dikenali sebagai *loci*, kaedah *peg word*, rima dan akronim. Selain itu, kaedah *dual coding* juga dilihat mampu membantu kanak-kanak prasekolah mengingat dengan lebih baik apabila proses pengajaran secara visual dan verbal tersebut dijalankan serentak.

Menurut Paivio (1986), kaedah *dual coding* menekankan proses visual dan verbal. Oleh itu, pengajaran akan lebih efektif dan dapat membantu kanak-kanak prasekolah yang lemah belajar secara efisien. Semua faktor ini perlu diambil kira bagi menyediakan asas yang baik dan sesuai kepada kanak-kanak prasekolah untuk sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara optimum.

KESIMPULAN

Terdapat beberapa pihak yang mempengaruhi peningkatan proses kognisi kanak-kanak seperti ibu bapa, guru, Persatuan Ibu bapa dan Guru dan KPM. Ibu bapa adalah individu terdekat dengan kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa juga merupakan tulang belakang kepada perkembangan kanak-kanak. Keretakan dalam hubungan seperti ibu bapa yang bercerai, memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak prasekolah. Guru juga merupakan faktor penyumbang kepada kegagalan proses kognisi. Guru memainkan peranan penting dalam membentuk kecemerlangan kanak-kanak. Guru perlu menyediakan BBM yang sesuai bagi memastikan ilmu pengetahuan dapat dipindahkan secara efektif. Bilangan kanak-kanak prasekolah yang lemah juga dapat dikurangkan dengan pengajaran guru yang berkesan dan sistematik berfokus kepada perkembangan kognisi.

Persatuan Ibu bapa dan Guru tidak dapat dinafikan boleh menyumbang kepada kegagalan proses kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Salah satu peranan Persatuan Ibu-bapa dan Guru adalah sebagai perantara antara guru

dan ibu bapa. Malangnya terdapat banyak salah faham yang berlaku dalam kalangan kedua-dua pihak apabila kanak-kanak melakukan kesalahan.

KPM pula disaran mengkaji setiap sekolah yang kekurangan BBM, khususnya alatan teknologi supaya membolehkan perkembangan kognisi semasa pengajaran. KPM juga disaran memperkenalkan kursus yang berkaitan dengan BBM untuk guru prasekolah. Banyak BBM untuk prasekolah seharusnya disediakan seperti carta tema, lagu-lagu dan bahan bacaan. Kemudahan seperti *LCD* dan komputer perlu ditingkatkan di prasekolah. Kekurangan *LCD* boleh memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sumbangan dan kerjasama antara KPM dan sekolah digalakkan bagi mengatasi masalah pembelajaran kanak-kanak di dalam kelas.

Kajian ini dianggap sebagai langkah permulaan untuk meneliti sejauh mana aplikasi kognisi melalui pembelajaran telah dilaksanakan oleh guru prasekolah. Kajian kualitatif disaran digunakan pada masa akan datang bagi mendapatkan fakta yang jitu dalam merangka dasar dan langkah yang perlu untuk meningkatkan aplikasi kognisi. Kaedah kualitatif dapat membantu para pengkaji mengetahui aplikasi kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan sejauh mana pencapaiannya.

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji mengesyorkan beberapa cadangan sebagai panduan kepada individu yang terlibat. Ibu bapa digalakkan memberi kasih sayang kepada kanak-kanak dalam meningkatkan efikasi kendiri. Guru pula perlu memuji kanak-kanak prasekolah yang lemah di dalam kelas supaya mereka tidak mudah berputus asa. Sebagai guru prasekolah, mereka perlu menggunakan aktiviti yang berunsur pengayaan dan bahasa yang positif semasa pengajaran di dalam kelas. Pihak pentadbir juga seharusnya memainkan peranan dalam menyediakan prasarana seperti BBM bagi melahirkan kanak-kanak yang cemerlang.

Kesimpulannya, semua pihak perlu komited dalam meningkatkan proses kognisi yang diperlukan oleh kanak-kanak prasekolah. Ibu bapa dan guru merupakan agen penting bagi memastikan kejayaan meningkatkan proses kognisi dan pencapaian dalam bidang akademik. Proses melahirkan kanak-kanak prasekolah yang berjaya dalam sistem pendidikan prasekolah adalah penting. Tambahan pula mereka bertanggungjawab dalam melahirkan generasi muda yang seimbang dari segi emosi, spiritual dan intelektual untuk memacu negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

RUJUKAN

- Abu Daud, M. (1993). *Tugasan dan masalah guru dalam berdepan dengan kurikulum prasekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Asmah, O. (1980). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah, M. (2001). Bermain di dalam kelas di Brunei. *Journal of Applied Research in Education* 2: 203-213.
- Bahagian Pendidikan dan Sains. (1990). *Kurikulum kebangsaan dalam Bahasa Inggeris*. London: H.M.S.O.
- Bernstein, R. J. (1982). From hermeneutics to praxis, dlm. *Review of Metaphysics*, Vol. 35 (June, 1982).
- Bodrova, E. (2003). Bagaimana bahasa dan literasi berkembang melalui bermain. *Parent and Child* 3: 10-12.
- Bruce, T. & Meggitt, C. (2005). *Penjaagan kanak-kanak dan pendidikan*. London: Hodder & Stoughton.
- Caplan, F. & Caplan, T. (1973). *Kuasa bermain*. New York: Anchor Press. Aurora, CO: Mid-continent Research for Education and Learning.
- Gumbang AK Pura (1998). *Satu kajian tentang pola interaksi di antara guru-guru kaunseling dengan klien mereka di tiga buah sekolah menengah kerajaan di daerah Limbang, Sarawak dengan menggunakan analisis hermeneutik*. Tesis Sarjana Pendidikan. USM: (Tanpa terbit).
- Kasnani A.K. (2006). *Perkembangan pendidikan prasekolah*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lihanna, B. (2005). *Ke arah pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dalam perkembangan pendidikan*. (Ed). Suffian Hussin et.al. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Loganathan, K. (1992). *Hermeneutic Analysis of Discourse*. International School of Dravidian Linguistics, India.
- Loganathan, K. (1996). *Metaphysica Universalis of Meykandar*. World Saiva Council of Meykandar Adheenam, London.
- Mueller, V.K. (1997). *The hermeneutics reader*. New York: The Continuum Publishing Company.
- Paivio, A. (1986). *Mental representations: A dual coding approach*. Oxford. England: Oxford University Press.
- Rickman, H.P. (1967). *Understanding and the human studies*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Rohaty, M. (2003). *Pendidikan prasekolah: Cabaran kualiti*. Bangi: Penerbit UKM.
- Schutz. A. (2004). Rethinking domination and resistance. *Challenging postmodernism* Educational Research 33: 15-23.
- Shahizan, H. & Shahabudin, A. (2006). *Panduan perancangan aktiviti prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Suppiah, N. (2003). *Proses kognitif dalam penulisan eseи melalui analisis hermeneutik*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.

